

Ruj. Kami : SSM/JPK(DPK)/6/1/18

Tarikh : 19 Julai 2002

**PENGUMUMAN AWAM  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA BIL.3/2002**

**PROSEDUR PENYERAHSIMPANAN BORANG 49 BERHUBUNG DENGAN  
PELANTIKAN DAN PEMECATAN PENGARAH, PENGURUS  
DAN SETIAUSAHA SYARIKAT**

**TUJUAN**

Surat pengumuman ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua syarikat mengenai prosedur yang perlu diikuti bagi penyerahsimpanan Borang 49 berhubung dengan pelantikan dan pemecatan pengarah, pengurus dan setiausaha syarikat di bawah seksyen 141(6) Akta Syarikat 1965.

**LATAR BELAKANG**

2. Di bawah seksyen 141(6) sesebuah syarikat hendaklah dalam masa 1 bulan daripada tarikh pelantikan atau pemecatan jawatan seseorang pengarah, pengurus dan setiausaha syarikat menyerah simpan borang yang ditetapkan iaitu borang 49 dengan Pendaftar Syarikat . Sejak kebelakangan ini, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendapati wujudnya perbuatan oleh sesetengah pihak yang menyerah simpan Borang 49 yang mengandungi maklumat palsu dan mengelirukan. SSM juga mendapati wujudnya Borang 49 yang diserahkan oleh satu pihak tertentu dalam syarikat ekoran pertelingkahan yang berlaku di

dalam syarikat di mana Borang 49 diserahkan tanpa pengetahuan dan persetujuan syarikat. SSM memandang serius perkara ini memandangkan amalan tersebut boleh mendatangkan berbagai masalah.

3. Peruntukan seksyen 11(9) Akta Syarikat 1965 memberi kuasa kepada Pendaftar Syarikat untuk meminta seseorang yang mengemukakan dokumen untuk diserahkan dengannya supaya menzahirkan kepadanya dokumen lain tertentu untuk memastikan sama ada dokumen boleh didaftarkan atau tidak. Bagi mengatasi masalah yang tersebut diatas, SSM telah menetapkan prosedur baru yang perlu diikuti oleh syarikat apabila menyerahkan Borang 49 bagi pelantikan atau pemecatan pengarah, setiausaha atau pengurus syarikat.

#### PROSEDUR PENYERAHSIMPANAN BORANG 49

4. Setiap Borang 49 yang diserahkan dengan Pendaftar Syarikat bagi tujuan memaklumkan pelantikan atau pemecatan pengarah, setiausaha atau pengurus syarikat hendaklah disertakan dengan satu salinan resolusi lembaga pengarah/syarikat berhubung dengan pelantikan atau pemecatan pegawai berkenaan yang ditandatangani oleh seorang Pengarah dan Setiausaha Syarikat.

5. Prosedur ini mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 2002.

Sekian, terima kasih.

**ABDUL ALIM ABDULLAH**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia